

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 13 RABU 30 MACH, 1966. 1385 رابو و ذوالحججه PERCHUMA

Di-Uchapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha Kapada Umat Islam

D.Y.M.M. BERANGKAT TIBA DI-BRUNEI DARI U.K. HARI INI

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, yang telah berangkat ka-London pada penghujung tahun lalu dijadualkan berangkat tiba di-Brunei pada hari ini.

Satu pengumuman Kerajaan berkata kelemarin, bahawa kapal terbang yang membawa baginda akan sampai di-Lapangan Terbang Berakas pada pukul 12-15 tengah hari ini dari Hong Kong.

Duli Yang Maha Mulia bersemayam di-luar negeri lebih dari tiga bulan kerana berchuti rehat di-United Kingdom.

Baginda telah berangkat ka-London pada 12 Disember tahun lalu bersama2 dengan puteri baginda, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan suami-nya, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

Ketika bersemayam di-London, baginda telah mengunjongi dua orang putera baginda yang sedang menuntut di-United Kingdom, ia-itu Yang

Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Ketibaan baginda di-Lapangan Terbang Berakas akan disambut oleh Ahli2 Majlis2 Mashuarat, Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentadbir.

Jema'ah2 Haji Brunei Tiba Di-Jeddah. Dengan Selamat-nya

JEDDAH. — Semua orang jema'ah Haji dari Negeri Brunei yang telah berangkat dengan kapal terbang dari Brunei Ka-Kuala Lumpur melalui Jesselton telah selamat sampai di-Jeddah dengan kapal terbang pada petang 23 Mach, 1966 dalam perjalanan mereka Ka-Mekah untuk menunaikan fardhu Haji.



D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA MAULANA AL-SULTAN
SIR OMAR ALI SAIFUDDIN

Umat Islam Di-Brunei Menyambut Hari Raya Haji-1 April

BANDAR BRUNEI. — Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei akan menyambut Hari Raya Aidil Adha, Tahun Hijrah 1385 pada hari Juma'at 1 April, 1966.

Demikian menurut satu pengumuman dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Menurut pengumuman tersebut, Sembahyang Hari Raya

Aidil Adha akan di-adakan di-semua Masjid2 dalam Negeri Brunei mulai jam 8 pagi hari Juma'at, 1 April, 1966

Sementara itu berbagai2 acara akan di-adakan di-seluruh Negeri Brunei bagi menyambut Hari Raya Haji pada tahun ini.

Di-antara acara2 yang akan di-adakan itu, ada-lah seperti berikut:

Pada malam 1 April, 1966 Persatuan Kampong Lorong

Sekuna, Brunei akan mengadakan Majlis Penubohan Persatuan itu, sa-bagai menyambut hari Raya Haji.

Temasha itu akan di-langsungkan di-bangunan sementara Persatuan Ikatan Kampong Lorong Sekuna, berhadapan dengan Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei.

Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei pula, akan menyambut Hari Raya Haji dengan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya bertempat di-Rumah Semen-

tara PATUH di-Kampong Pengiran Si-Raja Muda "B", Kampong Ayer, Brunei pada jam 2-30 petang hari Sabtu, 2 April, 1966.

Sekolah Melayu Lumapas, Bahagian Brunei III akan menyambut Hari Raya Haji dengan mengadakan Malam Aneka Warna, mengandungi berbagai2 jenis peraduan dan persembahan pada malam 2 April.

Pada hari Ahad 3 April pula, Sekolah Melayu Lumapas akan mengadakan temasha Sokan-nya untuk memilih peserta2 yang akan

(Lihat Muka 8)

Pegawai Daerah Temburong Merasmikan Pembukaan Peraduan Bachaan Al-Koran Dan Sharahan Sekolah2 Ugama Temburong

BANGAR. — Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashore telah merasmikan pembukaan membacha Koran dan Sharahan Sekolah2 Ugama bagi perengkat Daerah Temburong di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar, pada petang hari Ahad 20 Mach, 1966.

Dalam ucapan pembukaannya, Pengiran Syed Shahminan telah mengucapkan terima kasih kepada para Jawatan Kuasa majlis atas kejayaan dan kerja baik yang telah dilaksanakan oleh mereka.

Dengan ada-nya pertandingan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Ugama ini, beliau yakin bahawa "semangat perlumbaan" di-kalangan anak2 di-daerah ini ada-lah semakin bertambah subur dan memperbaiki lagi bachean mereka yang kurang elok.

Pengiran Syed Shahminan juga menyatakan bahawa Al-Koran ada-lah panduan dan pedoman bagi Umat Islam untuk menjalankan tugas sa-hari2 dalam menuju ka-arrah kemajuan dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Beliau juga menyatakan bahawa Ugama Islam ada-lah ugama resmi di-negeri ini.

Beliau telah berseru kepada penduduk2 di-daerah tersebut supaya memberikan pelajaran dan didekan yang sempurna kepada anak2 mereka.

Sa-ramai 12 orang peserta termasuk 6 orang perempuan telah memasuki peraduan bachean al-koran dan sharahan.

Dalam pertandingan bachean Al-Koran bahagian perempuan, gelaran Johan telah dimenangi oleh Dayang Asmah binte Metassim dari Sekolah Ugama Labu Estate, gelaran Naib Johan telah di-menangi oleh Dayang Mariam binte Haji Sabtu dari Sekolah Ugama Bokok dan pemenang yang ketiga ia-lah Dayangku Piut binte Pengiran Tuah dari Sekolah Ugama Sultan Hassan, Bangar.

Bahagian lelaki: Johan — Khamis bin Junied dari Sekolah Ugama Bokok. Naib Johan — Abdul Taib bin Haji Nordin dari Sekolah Ugama Sultan Hassan Bangar dan pemenang yang ketiga ia-lah Zaidi bin Sidek dari Sekolah Ugama Labu Estate.

Peraduan Sharahan Bahagian Perempuan: Johan — Dayang Siti binte Awang Lakim dari Sekolah Ugama Bokok dan Naib Johan — Dayang Hasni binte Metussin dari Sekolah Ugama Labu Estate

Peraduan Sharahan Bahagian Lelaki: Johan — Awang Abdul Halim bin Buntar dari Sekolah Ugama Labu Estate dan Naib Johan — Awang Kudil bin Tahir dari Sekolah Ugama Sultan Hasan, Bangar.

Johan dan Naib Johan dalam peraduan bachean Al-Koran dan Johan dalam Peraduan Sharahan bagi tiap2 bahagian akan mewakili Daerah Temburong untuk bertanding dalam Peraduan Perengkat Negeri yang akan di-langsungkan di-Bandar Brunei tidak lama lagi.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashore.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 30 Mach hingga ka-hari Selasa 5 April, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
30	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
31	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
1	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	
2	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	
3	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	
4	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	
5	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Jawatan2 Kosong:Pelayan Mess Di-A.M.D.B.

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sedemikian untuk memenohi tiga jawatan kosong sebagai Pelayan Mess di-Perkemahan Berakas, Askar Melayu di-Raja, Brunei. Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 dan 35 tahun dan boleh bertutor dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan \$160x5 - 195 sa-bulan.

Permohonan yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 12 April, 1966.

Peladang2 Kampong Tanah Jambu Melawat Pusat Perchubaaan Pertanian Kilanas



Seramai 17 orang peladang2, mengandongi 8 orang lelaki dan 9 orang perempuan dari Kampong Tanah Jambu, Jalan Muara, dengan di-ketuai oleh Awang Taim bin Garip, telah melawat ka-Pusat Perchubaaan Pertanian Kilanas pada

pagi hari Sabtu 19 Mach, 1966. Mereka telah di-bawa melihat keliling kawasan perchubaaan pertanian itu dan telah tertarik hati di-samping yang lain, mengenai chara "mengawinkan padi" untuk mendapat beneh padi yang men-

datangkan hasil yang lebeh memuaskan.

Gambar2 atas dan bawah di-ambil semasa lawatan peladang2 dari Kampong Tanah Jambu ka-Pusat Perchubaaan Pertanian Kilanas pada 19 Mach yang lalu.



Gunakan-lah
Bahasa
Melayu

SOKAN DAN OLAH RAGA

Oleh Awang Md. Hussian Zainal

PERLAWANAN Bola Sepak antara persatuan2, Kelab2 dan persekolahan kerana Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ke-49.

Permainan di-jalankan dengan chara kalah mati (knock out) semua perlawanan di-adakan di-padang Besar Bandar Brunei, tiap2 permainan di-mulakan jam 4-45 petang.

Perlawanan2 yang telah di-jalankan ada-lah seperti berikut:—

PADA 14 MACH, 1966: Pasokan Persatuan Kampong Sumbiling "A" berlawan dengan pasokan "B" Askar Melayu Di-Raja Brunei. Keputusan-nya pasokan Persatuan Kampong Sumbiling "A" menang dengan 9 gol berbalas 2.

PADA 16 MACH, 1966: Pasokan Maktab Perguruan Melayu berlawan dengan pasokan Polis Di-Raja Brunei "B". Keputusan-nya pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei menang dengan 14 gol berbalas 1.

PADA 17 MACH, 1966: Pasokan Brunei Sports Club berlawan dengan pasokan Polis Di-Raja Brunei "A". Keputusan-nya pasokan Brunei Sports Club menang dengan 3 gol berbalas 2.

PADA 19 MACH, 1966: Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "A" berlawan dengan pasokan 51 Brig. Gurkha. Keputusan-nya pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "A" menang dengan 6 gol berbalas 3.

PADA 20 MACH, 1966: Pasokan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei berlawan dengan pasokan Persatuan Kampong Sumbiling "B". Keputusan-nya pasokan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei menang dengan 4 gol tidak berbalas.

PADA 21 MACH, 1966: Pasokan Belia Sengkurong berlawan dengan pasokan 3 PKA. (Persatuan Pekatan Putera Puteri Kampong Ayer).

PADA 22 MACH, 1966: Pasokan Medical and Health Union berlawan dengan pasokan Persatuan Murid Tua Trade School.

PADA 23 MACH, 1966: Perlawanan suku akhir antara pasokan 51 Brig. British Other Rank berlawan dengan persatuan Kampong Sumbiling "A".

PADA 24 MACH, 1966: Perlawanan suku akhir antara pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei berlawan dengan pasokan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei.

PADA 26 MACH, 1966: Perlawanan suku akhir antara pasokan Brunei Sports Club berlawan dengan pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "A".

Perlawanan Rentas Desa

antara Sekolah2 Melayu atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei.

Perlawanan2 pemilehan peringkat daerah yang telah di-edarkan baru2 ini ada-lah seperti berikut:—

PADA 17 MACH, 1966: Perlawanan pemilehan Sekolah2 Brunei I (Sekolah2 Melayu Bahagian Bandar Brunei) bertempat di-padang SMJA. Sa-ramai 70 orang peserta telah mengambil bahagian, ia-itu terdiri daripada: 2 pasokan Laki2 "A", 4 pasokan Laki2 "B" dan 4 pasokan kumpulan Perempuan.

KEPUTUSAN PERLAWANAN (Berpasokan)

(a) KUMPULAN LAKI2 "A":
Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai.
Kedua: Pasokan Sekolah Melayu SMJA (Bhg. Rendah).

Maka dengan keputusan perlawanan itu pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai menjadi wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, bagi kumpulan Laki2 "A" memasuki perlawanan peringkat negeri.

(b) KUMPULAN LAKI2 "B":
Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim.
Kedua: Pasokan Sekolah Melayu SMJA (Bahagian Rendah).

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Sungai Kebun.

Maka dengan keputusan perlawanan itu pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim menjadi wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, bagi kumpulan "B", memasuki ka-perlawanan peringkat negeri.

(c) KUMPULAN PEREMPUAN:
Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Sungai Kebun.

Maka dengan keputusan per-

lawanan itu pasokan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah menjadi wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, bagi kumpulan Perempuan memasuki ka-perlawanan peringkat negeri.

PERSAORANGAN

(a) KUMPULAN LAKI2 "A":
Pertama: Aw. Rosman bin Pl. R. Osmar, dari S. Melayu SMJA.

Kedua: Aw. Tamin bin Tongkin, dari S.M. Lela Menchanai.

Ketiga: Aw. Jumi bin Akim, dari Sekolah Melayu SMJA.

(b) KUMPULAN LAKI2 "B":
Pertama: Aw. Ahmad bin Momin, dari Sekolah Melayu Pintu Malim.

Kedua: Aw. Marali bin Tuah, dari S.M. Lela Menchanai.

Ketiga: Aw. Sari bin Hidup, dari S.M. Pintu Malim.

(c) KUMPULAN PEREMPUAN:
Pertama: Dy. Norini binte M. Salleh, dari Sekolah Melayu R.I.F.

Kedua: Dy. Rosni binte Haji, dari Sekolah Melayu R.I.F.

Ketiga: Dy. Siti Aini binte M. Salleh, dari Sekolah Melayu R.I.F.

Peserta2 yang mendapat pangkat pertama, kedua, ketiga dari tiap2 kumpulan akan menjadi wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, bagi perlumbaan persaorangan, masuk ka-perlawanan peringkat negeri.

Hadiah2 rebutan dan hadiah kemenangan telah di-sampaikan oleh Awang Md. Daud bin Seruddin, Nadzir Kanan Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, kepada pasokan2 dan peserta2 yang berjaya dalam perlumbaan pada petang itu.

Perlawanan Peringkat negeri telah di-langsungkan pada petang hari Sabtu 26 Mach, 1966, bertempat di-padang Sekolah Melayu SMJA.

Sa-ramai 161 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan itu, ia-itu terdiri daripada 7 pasokan Laki2 "A", 7 pasokan Laki2 "B" 7 pasokan kumpulan Perempuan dan bahagian persa-

orangan.

Pasokan2 yang menjadi wakil dari tiap2 daerah ada-lah seperti berikut:—

(i) KUMPULAN LAKI2 "A":
Bahagian Brunei I : Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai.

Bahagian Brunei II : Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong.

Bahagian Brunei III : Pasokan Sekolah Melayu Pengkalen Batu.

Bahagian Temburong : Pasokan Sekolah Melayu Amo.

Bahagian Belait : Pasokan Sekolah Melayu Melilas.

Bahagian Tutong I : Pasokan Sekolah Melayu Sinaut.

Bahagian Tutong II : Pasokan Sekolah Melayu Ukong.

(ii) KUMPULAN LAKI2 "B":
Bahagian Brunei I : Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim.

Bahagian Brunei II : Pasokan Sekolah Melayu Delima Satu.

Bahagian Brunei III : Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut.

Bahagian Temburong : Pasokan Sekolah Melayu Belais.

Bahagian Belait : Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Serja.

Bahagian Tutong I : Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim.

Bahagian Tutong II : Pasokan Sekolah Melayu Ukong.

(iii) KUMPULAN PEREMPUAN:
Bahagian Brunei I : Pasokan Sekolah Melayu R.I.F.

Bahagian Brunei II : Pasokan Sekolah Melayu Lambak.

Bahagian Brunei III : Pasokan Sekolah Melayu Pengkalen Batu.

Bahagian Temburong : Pasokan Sekolah Melayu Amo.

Bahagian Belait : Pasokan Sekolah Melayu Telisai.

Bahagian Tutong I : Pasokan Sekolah Melayu Kupang.

Bahagian Tutong II : Pasokan Sekolah Melayu Ukong.

KEPUTUSAN

PERLAWANAN

RENTAS DESA M.P.M.B.

Pada 17 Mach, 1966 telah di-adakan perlawanan rentas desa antara Penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei, bertempat di-padang Maktab itu.

Sa-ramai 160 orang peserta Laki2 dan 40 orang peserta Perempuan telah mengambil bahagian.

(Berpasokan)

(i) KUMPULAN LAKI2:
Pertama: Pasokan Rumah Manis.

Kedua: Pasokan Rumah Semaun.

Ketiga: Pasokan Rumah Ragam.

Ke-empat: Pasokan Rumah Sakam.

(ii) KUMPULAN PEREMPUAN:
Pertama: Pasokan Rumah Semaun.

Kedua: Pasokan Rumah Sakam dan Manis.

Ketiga: Pasokan Rumah Ragam.

PERSAORANGAN

(i) KUMPULAN LAKI2:
Pertama: Aw. Wasli bin Janai dari Rumah Ragam.

Kedua: Aw. Limpa Kumpau, dari Rumah Manis.

Ketiga: Aw. Md. Daud, dari Rumah Semaun.

Ke-empat: Aw. Akip bin Edin, dari Rumah Ragam.

(ii) KUMPULAN PEREMPUAN:
Pertama: Dy. Rahiah Dagong, dari Rumah Semaun.

Kedua: Dy. Aishah Muhammad, dari Rumah Sakam.

Ketiga: Dy. Manisah Ibrahim, dari Rumah Ragam.


Ke-empat: Dy. Norsiah Bolhasan, dari Rumah Manis.

Perlawanan Rentas Desa ini adalah perlawanan tahunan Maktab Perguruan Melayu Brunei.



Gambar ini di-ambil sa-lepas di-langsungkan Lumba. Rentas Desa Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I di-Padang Sekolah Melayu SMJA pada petang hari Khamis 17 Mach, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim yang telah berjaya menyan-

dang gelaran Johan dalam perlumbaan antara pasokan2 kumpulan Laki2 "A". Berdiri di-barisan belakang, memakai kacha mata hitam ia-lah Guru Besar S.M. Pintu Malim, Chegu Awang Haji Abdul Hamid bin Md. Ya'akub.



Darjah2 Menaip chara baru ini di-adakan pada tiap2 hari Juma'at dan Ahad, di-Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei. Gambar atas menunjukkan penuntut2 darjah permulaan ketika hendak masuk belajar.



MESIN tulis atau type writer ialah sa-buah alat yang mustahak bagi memudahkan dan meringkaskan tugas sa-hari2 bagi seluruh orang2 yang bekerja di-Pejabat2, Gudang2 Perniagaan, Pengarang2 dan orang2 yang menaruh minat di-alam tulis menulis.

Kalau di-zaman pensil yang diperbuat daripada batu, orang bersusah payah menulis sa-suatu hasil tulisan dengan memakan masa berhari2 bagi sa-keping surat dan bertahun2 bagi sa-buah karangan.

Tapi sekarang ada-lah zaman serba berubah, zaman serba chepat atau dengan lain2 perkataan siapa lambat pasti kechewa atau sa-kurang2-nya tertinggal jauh.

PERUBAHAN BESAR

Jadi, tidak-lah hairan kalau kita saksikan bahawa banyak alat2 bangunan, mesin2, jentera2, kenderaan2 dan sa-umpama-nya kita dapati berkeadaan yang menakjubkan tidak cherewet atau lebih jelas lagi sa-bagai sa-patah kata yang sering di-sebutkan orang ia-itu "moden".

Hampir semua peralatan bagi keperluan manusia hari ini telah

berubah ia-itu dari keadaan cherewet bertukar kepada keadaan yang ringkas dan tangkas.

Kemajuan ini di-chapai ada-lah dari ketinggian ilmu pengetahuan manusia yang sa-hari demi sa-hari bertambah2 luas, terutama di-lapangan sains.

Maka itu, kepada juru2 taip di-dunia satu kejayaan telah mereka chapai untuk menyempurnakan lagi sistem menaip di-kalangan mereka.

SATU JAMINAN

Ini juga merupakan satu jaminan kepada mereka bahawa tenaga mereka ada-lah di-perlukan baik oleh Jabatan2 Kerajaan, Gudang2 Perniagaan, atau lapangan2 yang lain yang memerlukan tulis menulis.

Saperti yang kita tahu bahawa sistem menaip yang di-amalkan oleh juru2 taip masa ini boleh-lah di-katakan satu sistem yang ber tenaga dan chergas lagi sempurna.

Walaupun demikian, perjuangan untuk mendapatkan satu sistem yang lebih sempurna dan berse-mangat, maseh berjalan terus.

Di-negeri Brunei masa ini satu sistem menaip yang terbaru sedang

Menaip Si Ya

di-perkenalkan kepada juru2 taip di-negeri ini.

Sistem menaip chara baru ini ia-lah "menaip dengan menurut irama musik dari piring2 hitam yang berbagai2 rentak dan irama atau dalam bahasa Inggeris di-panggil "Rhythmic Typing System".

Usaha mengenalkan sistem baru ini telah di-lakukan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa Brunei.

SAMBUTAN BAIK

Memandang kepada sambutan yang di-berikan oleh juru2 taip di-negeri ini, terutama juru2 taip yang berkhidmat dengan Kerajaan, maka darjah2 khas telah di-adakan sejak tahun 1964 yang di-kendalikan oleh Guru2 Taip yang terlatih yang terdiri dari pemuda2 tempatan.

Dalam tahun 1965 ramai bilangan penuntut2 telah lulus dalam peringkat permulaan dan menengah.

Masa ini tiga buah kelas telah di-adakan yang tiap2 buah kelas itu mengandungi 20 orang juru2 taip wanita dan pria.

Kelas itu terbahagi kepada tiga peringkat ia-itu peringkat2 permulaan, menengah dan tertinggi.

Guru2 yang mengajar dalam ketiga2 peringkat itu terdiri dari Awang Abdul Rahim Walli, Awang Abdullah bin Tahir dan Awang Abdul Halim bin Jamal.

KECHEPATAN

Kechepatan menaip dari sistem yang baru ini ia-lah dari peringkat rendah 16 perkataan sa-minit hingga ka-peringkat tinggi 71 perkataan dalam satu minit menurut rekod2 musik yang ada.

Untuk mengenalkan lagi mengenai perkara menaip chara baru ini muatkan satu huraian kita terima dari sa guru menaip yang kelas baru tersebut. Awang Abdul Rahim huraian-nya saperti b

"Rhythmic Typing, konsep yang di-artikan Menaip dengan menurut kod2 musik yang berirama dan irama. Sistem ini julong2 kali di-adakan Asia dalam bahasa K yang pertama kali di

Jabatan Pelajaran lajaran Dewasa Brunei anjorkan mata pelajaran mengutamakan kaki jaan terutama kepada mempelajari chara bersistem dan mengikut yang lazim di-buat oleh di-Jabatan2 Kerajaan Perniagaan dan shaharoh dunia.

Belajar menaip dengan tempo musik ia-lah s



Salah sa-orang penuntut wanita, Dayangku Amas binte Pengiran Daud kelihatan tekun mengikuti pelajaran di-peringkat permulaan.



Awang Abdul Rahim Walli, guru rentak irama lagu "Turkish March" menentukan

Dengan tem Baru

G HITAM
IL PERANAN

baru yang di-perolehi dalam abad ini dalam bidang mempertinggi dan menchapai kepantasan menaip yang standad.

Buku2 panduan menaip dalam bahasa Melayu yang sama sistemnya dengan Inggeris dari peringkat rendah hingga ka-peringkat tinggi telah di-sediakan oleh Jabatan tersebut.

REKOD2 MUSIK

Berpuluh2 rekod musik menaip khas telah di-datangkan dari England dan Amerika dari permulaan pelajaran, menengah, hingga lah menchapai ka-peringkat tertinggi yang di-sesuaikan dengan buku2 pelajaran menaip.

Sa-benar-nya menaip chara "sight method" atau menaip chara pandang menggunakan dua jari telunjuk menekan "keyboard" memang sudah tidak dapat di-amalkan sekarang kerana ia terasa lambat dan memakan masa yang banyak.

Mengikut satu sejarah pada tahun 1878 dua buah sekolah yang bernama The D. L. Scott Browne dan The Packard School di-Amerika

telah banyak menerbitkan buku2 panduan menaip, antara buku yang terkenal ia-lah "Hand Book of Instruction for the Type Writer" oleh Edward F. Underhill.

Beberapa tahun berik-nya kira2 60,000 orang telah di-ajar menaip. Ketika itu chara2 menaip belum bersistem lagi dan penaip2 hanya di-ajar menggunakan dua jari telunjuk dan jari2 yang lain di-fikiran sangat lemah tidak dapat bergerak chergas menekan keyboard.

BERTAMBAH MAJU


Sungguhpun bagitu jurusan pelajaran tersebut mengambil peranan penting kepada masharakat di-Amerika ketika itu.

Dari sa-hari ka-sahari kemajuan2 kian bertambah. Daya chipta manusia mengikut aliran fikiran sering berubah mengarah satu kemajuan yang lebeh pesat.

"Sa-suatu jurusan yang banyak mengurbankan masa terbuang untuk pelaksanaan kerja haruslah di-hindarkan". Demikian menurut kenyataan dari pengasas2 atau penyelidik atas soal pelajaran taip sa-chara bersistem.

RASA KAGUM

Sa-orang kerani yang bekerja di-Pejabat Undang2 bernama Frank E. McGurrian telah merasa kagum melihat kejayaan sa-orang juru taip wanita. Dia menaip dengan ranchak dan pantas menggunakan semua jari2 bergerak hidup menekan semua kunchi2 taip dengan tidak melihat keyboard dan dia hanya melihat bahan2 yang di-taipnya saja. Hal ini di-cheritakan oleh Frank E. McGurrian dalam buku-nya "The History of Touch Typewriting".



Dayang Ummi Kalthum, sa-orang kerani di-Perchetakan Bintang di-beri peluang untuk belajar di-Darjah permulaan menaip.

Rhythmic Typing System di-Brunei sekarang telah mengambil peranan penting kerana ia-nya merupakan satu aliran kemajuan baru yang melayakkan kechekapan sa-orang jadi Juru Taip professional.

LEBEH SENANG

Belajar menaip dengan mengikut tempo musik lebeh senang dan mendalam kesan-nya. Tiap2 rekod di-perlengkapkan dengan detik2 waktu yang menyukat sa-tiap kepantasan dari permulaan hingga ka-peringkat tinggi.


Penuntut2 tidak akan terasa kemajuan yang di-chapai mereka apa-

bila sentiasa mengikut tempo musik yang sering kali bertukar rentak irama. Irama musik mengalun leleh dan kenchang, bunyi tempo atau bass sentiasa tetap mengikut detik2 waktu, tekanan kunchi2 taip sama rata dan semua jari2 bergerak hidup dengan pantas, ranchak dan terator mengikut bass musik dalam suasana berbagai irama yang tidak pernah terasa leleh dan jemu.

Kepantasan menaip dengan sendiri-nya akan bertambah naik tanpa di-sedari. Ini-lah satu keistemewaan mengikut Rhythmic Typing System dalam jangka waktu yang singkat bagi mempelajari-nya.



di-darjah permulaan sedang mengawasi penuntut2 ketika belajar mengikut berirama slow-fox trot. Pelajaran ini ia-lah bagi melateh mereka untuk jari2 ka-rumah2 kunchi mengikut sistem yang betul.



Gambar atas menunjukkan rekod2 yang di-pileh untuk mengiringi dalam pelajaran peringkat permulaan.

Jawatan2 Kosong Di-Pejabat Siaran Radio Dan Penerangan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei:—

(a) PENYELENGGARA SETOR TINGKAT I.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mengetahui dengan mahir-nya alat2 pengganti bagi alat2 Pemanchar Radio dan kelengkapan studio termasuk alat2 perakam dan penerimaan, dan mesti-lah pandai menetapkan alat2 pengganti tersebut.

Pemohon2 mesti-lah berpengalaman selama sekurang2-nya lima tahun dalam kerja2 setor serta peratoran2-nya, serta berkebolehan menjaga semua setor2 sechra terator dan berekonomi.

Pemohon2 mesti-lah juga mengetahui chara2 mengambil kiriman2 kelengkapan2 baharu dari Sharikat2 perkapalan atau

penerbangan.

Mereka mesti-lah juga tahu menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dan bertutur dalam kedua2 bahasa dengan lancar.

Gaji:

Dalam sukatan D.4 \$500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

(b) TUKANG PANJAT (RIGGER).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah boleh memanjat tiang2 untuk menjalani kerja2 pemeriksa dan kerja2 pembaikan, dan boleh mengikat alat2 kelengkapan pada tali2 dawai serta mengetahui berbagai2 alat kelengkapan dan alat

pemisah yang di-gunakan pada tali temberang (mast stays).

Pengalaman dalam kerja mendirikan tiang2 yang menggunakan tali temberang ada-lah satu keuntongan.

Gaji:

Dalam sukatan E.1 - 2 EB.3 \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa percutaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrak ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 April, 1966.

Jawatan Kosong: Juru Teknik Kanan Makmal

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sa-bagai Juru Teknik Kanan Makmal di-Jabatan Kerja Raya (Bahagian Ayer), Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil Pelajaran Umum (General Certificate of Education) atau kelayakan yang sa-banding dengan-nya dan telah menjalani latehan selama sekurang2nya dua tahun dalam sa-buah badan latehan Penyelesaian atau Kimia dengan mendapat sijil kecekapan yang tertentu.

Chalon2 mesti-lah juga telah berkhidmat sebagai pembantu makmal selama tidak kurang dari lima tahun di-sabuh makmal menganalisa bahan2 kimia atau memegang jawatan yang serupa dengan-nya.

Tugas hari2 termasuk-lah kerja2 menganalisa pembekalan ayer minum, sechra "chemical" dan "bacteriological", dan penyiasatan2 di-makmal ka-atas ayer yang belum tapis atau di-buboh ubat, yang berkaitan dengan kerja2 pengawalan pembersehan ayer dengan menggunakan bahan kimia.

Gaji:

Dalam sukatan \$660x30 -

900. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa percutaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrak ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika

berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 Mei, 1966.

Jawatan2 Kosong: Pegawai Pentadbir Kedet

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 Melayu yang di-peranakan di-Brunei serta menjadi ra'ayat DYMM Sultan dan mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelayakan yang sebanding dengan-nya untuk di-lantek sebagai Pegawai Pentadbir Kedet (Administrative Cadet), Brunei. Chalon2 mesti-lah berumur diantara 18 dan 27 tahun.

Tingkatan Gaji:

Kedet (a) \$330x15-360.

(b) \$380x20-420.

B.A.S. Tingkat II \$630x30 -990.

B.A.S. Tingkat I \$1020x40 -1620.

Sharat2 Lantekan:

Pemohon2 yang di-pileh akan di-lantek sechra percutaan selama dua tahun. Sebelum di-tetapkan di-dalam jawatan B.A.S. Tingkat II chalon2 yang berjaya ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan2 yang tertentu dalam Undang2 dan "General Orders".

Permohonan2 daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat mesti-lah di-kirim melalui Ketua2 Pejabat masing2.

Sampol surat yang berisi permohonan mesti-lah bertanda "Permohonan bagi B.A.S." di-atas sebelah kiri sampol. Salinan2 sijil dan surat akuan sahaja yang mesti di-sertakan.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 14 April, 1966.

Sambutan "Minggu Persafahaman Sa-Dunia" Anjoran K.R.A.B. Brunei

BANDAR BRUNEI. — Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei telah menyambut "Minggu Persafahaman Sa-Dunia" dengan mengadakan satu majlis Cheramah mengenai beberapa buah negara pada minggu yang lalu.

Sambutan tersebut telah diadakan di-Majlis Perjumpaan dan Jamuan Mingguan Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei di-Bilek Khas, Kedai Makan O.K. di-Bandar Brunei pada tengah hari Khamis 24 Mach, 1966.

Majlis itu telah di-pengerusi-kan oleh Bakal Yang Dipertua Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei, Rotarian G. V. de Freitas, dan di-kekelolakan oleh Rotarian T. R. Butcher.

Cheramah mengenai beberapa buah negara telah di-lafadzkan saperti berikut:

Negeri Brunei oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed (Sa-orang Pegawai Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei).

United Kingdom oleh Rotarian Dato P. A. Coates.

Malaya oleh Rotarian Abdul Ghani Jamil.

Hong Kong oleh Rotarian Lam Soo Man.

Negeri Jepun oleh Rotarian Masato Miyairi.

India oleh Rotarian Doktor I. G. Singh.

Afrika Selatan oleh Rotarian T. R. Butcher.

Taipeh oleh Rotarian Wayne Ren. (Sa-orang ahli Kelab Rotary Taipei yang kini sedang melawat Brunei).

Rotarian Doktor J. S. Gould, Yang Dipertua Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei, yang di-jadualkan memberi cheramah berkenaan dengan Amerika Sharikat telah tidak dapat memberi cheramah mengenai benua itu kerana beliau berada di-luar negeri pada hari tersebut.

Persidangan M. M. D. Temburong

Bangar. — Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong akan di-adakan di-Kelab Temburong pada hari Rabu 6 April, 1966, mulai jam 10 pagi.

Kenyataan Pejabat Bandaran Brunei

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai ada-lah di-ma'alomkan bahawa lenchana2 anjing bagi tahun 1966 sekarang boleh di-dapati dari Pejabat Bandaran, Bandar Brunei, dengan dikenakan bayaran \$3.00 bagi sa-ekor anjing jantan dan \$5.00 bagi anjing betina pada satu tahun.

Melayu Sa-Negeri Brunei:

Awang Dayang Berjaya Lagi

Kumpulan Perempuan: Pertama — Hasnah Haji Ahmad dari Sekolah Melayu Lambak.

Perlawanan Bola Sepak:

Kupang Mengalahkan Sinaut 3 Gol Berbalas 2

Yang Mulia Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja Haji Durahim, Ketua Kampong Kupang telah menyampaikan hadiah2 kepada Johan dan Naib Johan perlawanan tersebut.

SOKAN SEKOLAH MELAYU O.K.A.W.S.D. KUPANG

Di-antara perlawanan2 tersebut ia-lah Perlawanan Tarek Tali antara Rumah2. Lari Me-

Pada masa rehat, murid2 lelaki dan perempuan Sekolah Melayu OKAWSD Kupang telah mempersembahkan sa-

Awang Dayang telah mengambil masa 20 minit 54 sa'at sa-jauh kira2 3 batu dalam Perlumbaan Rentas Desa Kejohanan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei pada tahun ini.

Di antara para hadhirin ditemasha soka tersebut ialah beberapa orang Nadzir² dan Guru² Besar Sekolah² Melayu, Pegawai² Kerajaan, ibu-bapa murid² sekolah itu dan lain²-nya.



Ini-lah tahun yang ke-dua berturut2 Awang Dayang menyandang gelaran sebagai Johan Rentas Desa Murid2 Lelaki Bahagian "B". Ia telah menjadi io-



Murid2 perempuan dalam gambar ini kelihatan mulai berlumba dalam Perlumbaan Rentas Desa Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei, baru2 ini.

Lumba Rentas Desa

BANDAR BRUNEI. — Semalam kira2 300 orang peserta2 lelaki dan perempuan akan mengambil bahagian dalam Lumba Rentas Desa anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei pada petang hari Ahad 3 April, 1966.

Sementara itu, dalam satu temu ramah dengan Setia Usaha persatuan tersebut, Awangku Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu, beliau berkata bahawa sambutan Lumba Rentas Desa anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei pada tahun ini ada-lah lebih baik dari sambutan pada tahun yang lalu.

JAWATAN2 KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan Brunei:—

(1) PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT II (3 jawatan kosong).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Bagi Bahagian Inggeris:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelayakan yang sebanding dengan-nya serta mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris, dan berpengalaman selama sekurang2-nya tiga tahun dalam urusan menyedia dan menyiarkan ranchangan2 radio dalam bahasa Inggeris.

(b) Bagi Bahagian Melayu:

Pemohon2 mesti-lah lulus Form III Inggeris dan Darjah V Melayu serta berpengalaman selama sekurang2-nya tiga tahun dalam urusan menyedia dan menyiarkan ranchangan2 radio dalam bahasa Melayu.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai "suara microphone" yang baik.

Chalon2 akan di-uji bagi menentukan sama ada mereka sesuai untuk jawatan2 ini.

Gaji:

Dalam sukatan D.4 EB.5 \$500x20-620/EB/640x20-700. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

(2) PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT III (10 jawatan kosong).

Kelayakan2:

(a) Bagi Bahagian Inggeris:

Lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau peperiksaan yang sebanding dengan-nya serta mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris.

(b) Bagi Bahagian Melayu:

Lulus Form III Inggeris dan Darjah V Melayu.

(c) Bagi Bahagian China:

Lulus Form III Inggeris atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dan "Chinese Senior Middle Three".

Chalon2 akan di-uji bagi menentukan sama ada mereka sesuai untuk jawatan2 ini.

Gaji:

Dalam sukatan D.1 - 2 - 3 EB.4 \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan terdiri dari ra'ayat DYMM Sultan akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama.

Chalon2 yang berjaya yang terdiri dari ra'ayat DYMM Sultan atau berhak di-daftarkan sedemikian akan di-beri lantekan dalam jawatan tetap selepas satu tempoh perchubaaan.

Pemohonan2 yang mesti di-pemohonkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat dari 23 April, 1966.

Ranchangan Bantuan Kapada Petani2 Yang Menjalani Kursus Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Pertanian Negara Brunei telah mengadakan satu ranchangan untuk memberikan bantuan kapada petani2 yang telah menjalani kursus pertanian selama dua bulan di-Pusat Perchubaaan Pertanian Kilanas.

Bantuan itu di-berikan kapada petani2 yang membuat perusahaan sendiri di-kampung masing2 mengikut chara2 yang telah di-pelajari mereka samasa menjalani kursus pertanian.

Bantuan yang akan di-berikan ia-lah bayaran gaji hari sa-lama tiga bulan pokok2 chantum sa-perti limau manis rambutan, durian dan lain2. Mereka juga akan di-berikan anak2 ayam untuk menternak.

Perkakas pertanian saperti parang, changkul, pongkis dan

pisau chantum akan juga di-berikan.

Petani2 yang akan menjalankan perusahaan tersebut adalah di-harapkan supaya bekerja bersungguh2 kerana mereka akan di-lawati oleh pegawai2 dari pejabat pertanian pada tiap2 pertengahan dan akhir bulan.

Pegawai Pertanian Negara, Awang Hamidoon bin Awang Damit, telah juga menyatakan jika kerja2 yang di-usahakan oleh petani2 itu tidak memuaskan bayaran gaji tidak akan di-bayar dan segala alat perkakas pertanian yang di-berikan akan di-ambil balek.

Petani2 yang ingin mengambil kesempatan bantuan itu, kata-nya, hendaklah terlebih dahulu menyediakan semaian.



Pancharagam Pulis Diraja Brunei, dengan di-ketuai oleh Pengarah Musik-nya Awang Crowhurst, telah mengadakan persembahan2 di-Bangar, Labu Estate dan Pulau Baru2 di-Daerah Temburong selama tiga hari baru2 ini. Ramai penduduk2 kampong telah menyaksikan persembahan Pancharagam Pulis Diraja itu di-tiap2 tempat yang di-lawati-nya.

GAMBAR ATAS: Di-antara para hudhirin di-temasha persembahan Pancharagam Pulis Diraja Brunei



di-Pulau Baru-Baru, ia-lah dari kiri ka-kanan: Pesuruhjaya Pulis Dato Setia Awang Slater; Ketua Kampong Pulau Baru-Baru, Awang Abdullah bin Jambol dan Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

GAMBAR BAWAH: Satu pemandangan semasa Pancharagam Pulis Diraja Brunei mengadakan persembahan-nya di-Pulau Baru-Baru. Berdiri di-kanan sekali ia-lah Pengarah Musik Pancharagam Pulis Diraja Brunei, Awang Crowhurst.

Sa-lepas itu mereka di-kehendaki menghantar satu penyata ka-Ibu Pejabat Pertanian dengan menyatakan di-mana mereka menjalankan perusahaan dan tanaman yang di-chadangkan.

UMAT ISLAM DI-BRUNEI MENYAMBUT HARI RAYA HAJI 1 APRIL

(Dari Muka 1)

mengambil bahagian dalam temasha Sokan Bahagian Brunei III.

Sementara itu Persatuan Pemuda Penanjong (PERDA) Tutong akan mengadakan Mashuarat Agong persatuan itu kali yang ka-delapan, bertempat di-bangunan persatuan tersebut pada hari Ahad 3 April, 1966.

Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh akan merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan PERDA pada pagi hari tersebut.

Persatuan Belia Sengkurong akan mengadakan Mashuarat Agong Tahunan-nya Kali Yang Ka-Empat di-Kampong Pasai pada hari Juma'at 8 April, 1966 mulai jam 8 pagi.

AKHBAR YANG BARU DI-TERBITKAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sabuah akhbar yang baru, ia-itu berbahasa Melayu dan Inggeris telah di-terbitkan di-Bandar Brunei mulai pada hari Ahad 27 Mach, 1966.

Akhbar yang baru itu bernama "Bintang Minggu" dan "Sunday Star".

Pada hari Ithnin 28 Mach pula, akhbar "Bintang Harian" dan "Daily Star" telah di-terbitkan di-sini.

Beberapa hari sa-belum akhbar itu di-lahirkan, penerbit-nya telah mengadakan satu majlis jamuan di-sabuah kedai makan di-Bandar Brunei, sebagai mengalu2kan kelahiran akhbar Mingguan dan Harian tersebut.

SAMBUTAN HARI RAYA HAJI DI-KAMPONG TASEK MERADUN

KAMPONG TASEK MERADUN. — Al-Madrasatul Ittihadiyah (Baitul-Khair), Kampong Tasek Meradun, Batu 6, Jalan Tutong, Brunei akan menyambut Hari Raya Haji dengan mengadakan satu majlis perjumpaan sa-lepas di-adakan Sembahyang Hari Raya Haji di-Madrasah tersebut pada pagi hari Juma'at 1 April, 1966.

Majlis itu akan di-mulai dengan Bachaan Ayat Suchi Al-Koran oleh Awangku Yassin bin Pengiran Damit. Kemudian Uchapan akan di-lafadzkan oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Madrasah, Pengiran Mohamad bin Pengiran Badar.

Sa-lepas itu akan di-adakan Cheramah mengenai "Kelas Dewasa Ugama" oleh Ustadz Awang Ahmad Ramli, Pemangku Pemereksa Kelas2 Dewan Ugama, Negeri Brunei; Uchapan Penutup oleh Setia Usaha Majlis, Pengiran Abbas bin Pengiran Haji Besar; Bachaan Do'a Selamat oleh Chegu Adenan Yassin, Guru Kelas Dewasa Ugama dan di-akhiri dengan jamuan ringan.